

# Pasaran bersama Asia Pasifik

# Malaysia sedia

# terajui pakatan

P  
Oleh ZAINI ZAINUDDIN  
dan WAN HAMIDI HAMID

**KUALA LUMPUR, Isnin —** Malaysia sanggup menerajui pakatan pasaran bersama Asia Pasifik bagi melindungi kepentingan perdagangan rantau ini jika negara lain menghadapi masalah untuk berbuat demikian, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

—Katanya, Malaysia berpendapat ia harus mengutarakan usul itu kerana kewujudan pakatan dagangan di Barat tidak dapat melindungi kepentingan bersama di rantau ini.

"Kita hendak usulkan supaya negara-negara Asean, Indochina, China, Taiwan, Hong Kong, Korea dan Jepun menyertai pakatan dagangan rantau Asia Pasifik.

"Saya fikir kita harus mengutarakan perkara ini. Kalau tidak ada pihak lain yang mengusahakannya, kita sanggup berbuat demikian," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Surat-khabar Cina Antarabangsa di sini, hari ini.

Mengenai sama ada Australia dan New Zealand menyertai pakatan perdagangan itu, beliau menjelaskan, kedua-dua negara berkenaan tidak akan menganggotainya.

Menurutnya, beliau tidak pasti sama ada Jepun boleh menerajui pakatan perdagangan itu kerana menyedari negara itu akan dikenakan pelbagai tekanan, khususnya dari Barat.

Katanya, beliau juga akan membincangkan cadangan itu dengan Perdana Menteri China, Encik Li Peng, yang melawat

Malaysia selama empat hari mulai hari ini.

Perdana Menteri berkata, perkara itu perlu diberi perhatian kerana semakin banyak negara Barat yang mempunyai penyatuan pasaran, mengadakan pelbagai sekatan pasaran terhadap negara Timur.

"Kalau kita tidak bersatu, iaitu negara Timur tidak mempertahankan diri, maka ia tidak akan memberi kekuatan kepada kita. Sebab itu Malaysia ingin mencadangkan satu paka-

tan pasaran yang bukan seperti pasaran yang ada di Eropah, tetapi satu kerjasama pasaran di antara negara Asia Pasifik," ujarnya.

Langkah itu juga berikutan kewujudan beberapa pakatan dagangan serantau di Utara seperti pakatan Kanada-Amerika Syarikat-Mexico dan pasaran bersama Eropah pada 1992.

Ditanya sama ada cadangan penubuhan pakatan ini adalah berikutan kegagalan mesyuarat Perjanjian Perdagangan dan Tariff (Gatt) di Brussels, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan sudah menjangka rundingan itu tidak mencapai kata sepakat.

"Kita tahu mereka (negara Barat) mengutamakan kepentingan mereka sahaja, terutama dalam bidang barang pembuatan. Mereka mempunyai jumlah peladang yang besar.

"Golongan peladang itu menekan kerajaan mereka untuk menyekat kemasukan barang-barang pertanian luar dan tidak mempedulikan sama sekali peladang di negara lain," katanya.

Menurut Perdana Menteri, keadaan yang sama berlaku dalam bidang kesatuan sekerja apabila negara Barat bertindak mengikut kepentingan mereka sahaja, bukan kepentingan negara Timur.

"Kalau kita anggap mereka ingin menolong kita, ia adalah khayalan yang sia-sia," katanya.